

Tujuh paip bawah tanah bocor

(28 APRIL 2023) Opar, PG

FOTO: BERNAMA

Keadaan terkini kejadian tanah runtuh di hadapan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada Khamis.



Punca aliran air dalam kuantiti banyak hingga mengakibatkan tanah runtuh

KUALA LUMPUR

Siasatan terperinci oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di lokasi kejadian tanah runtuh berhampiran pintu masuk Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) mendapati sekurang-

kurangnya tujuh paip bawah tanah di kawasan itu mengalami kebocoran.

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra), Datuk Zulkipli Nasri berkata, keadaan itu menyebabkan berlaku pengaliran air dalam kuantiti banyak daripada paip yang dianggar berusia lebih 40 tahun hingga mengakibatkan kejadian tanah runtuh.

"Kalau tengok dekat situ, bila berlaku runtuhannya kita lihat banyak air yang keluar. Jadi saya rasa itu mungkin punca-nya. Bagi mendapatkan butiran terperinci, penyiasatan akan dilanjutkan lebih lanjut.

"Indikator awal daripada

MACA juga memaklumkan bil air mereka meningkat," katanya selepas lawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Zulkapli Mohamed ke lokasi kejadian pada Khamis.

Sementara itu, Zulkapli berkata, status sama ada bangunan akademi itu selamat untuk di-duduki atau tidak hanya akan dapat ditentukan dalam tempoh tiga minggu lagi selepas JKR selesai melakukan penilaian terperinci.

"Buat masa ini, kita tidak benarkan petugas dan kakitangan MACA untuk bertugas di sini sehingga mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa," jelasnya. - Bernama